

Ketua tak berdisiplin jejas mutu jabatan

BH 29.10.2007 m/s 10

SAYA amat tertarik dan berse-
tuhu dengan syor Ketua Setia-
usaha Negara baru-baru ini.
Memang wajar mana-mana kakitang-
an awam yang menyeleweng dike-
nakan tindakan seperti menyiarkan
nama mereka di akhbar, sebagai tanda
pengajaran, bukan memalukan.

Walau apapun pandangan dan sa-
ranan dikeluarkan oleh pelbagai pi-
hak, saya percaya pokok pangkal ke-
pada masalah disiplin di kalangan
kakitangan awam adalah berpunca
daripada sikap majikan atau ketua
jabatan mereka, selain sikap kaki-
tangan awam itu sendiri.

Ini benar, apabila rakan kakitang-
an awam yang pernah saya temui
dan berbincang hal kerja, melahir-
kan rasa tidak puas hati kepada ma-
jikan mereka. Ada sesetengah ma-
jikan yang berlaku tidak adil dan
pilih kasih.

Peraturan, tindakan yang dikeluar-
kan oleh pihak Jabatan Perkhidma-
tan Awam melalui surat pekeliling
hanya terpakai kepada sesetengah
kakitangan. Apa yang menyedihkan
majikan atau ketua jabatan itu sen-
diri seolah-olah kebal daripada per-
aturan dan tindakan tatatertib.

Apakah kerana apabila sudah ber-
gelar 'bos', segala peraturan tidak
lagi terpakai - boleh masuk kerja
lambat, balik atau keluar pejabat se-
suka hati dan lain-lain.

Cuba kita ambil contoh mudah me-
ngenai sistem kad perakam waktu.

Ini memastikan majikan atau ketua
jabatan mudah mengenal pasti ka-
kitangan yang hadir atau tidak ke
pejabat. Malah, ada tindakan susulan
dikenakan kepada kakitangan awam
yang cuai merakamkan waktu masuk
ke pejabat, sama ada hadir lewat ma-
hupun tidak merakamkan kad itu.

Jika dilihat kepada tindakan seperti
potong gaji, turun pangkat, turun gaji,
tahan gaji, buang kerja dan lain-lain,
jelas kecuai kakitangan yang me-
ngabaikan sistem kad perakam waktu
ini adalah berat dan serius.

Jika dulu, ketika masih berjawatan
rendah, 'bos ini sedar' dan 'takut'
kepada peraturan boleh saja mera-
kamkan waktu masuk dan 'keluar'
pejabat pada waktu yang tepat.

Tindakan 'bos' ini yang tidak me-
matuhi peraturan yang boleh diang-
gap kecil atau remeh boleh mengun-
dang perasaan kecewa, sakit hati dan
tertekan di kalangan kakitangan ba-
wahan.

Secara tidak langsung, sikap 'bos'
sebegini akan melemahkan organi-
sasi, kerana kebanyakan kakitangan
mula rasa bosan, jemu, malas, tidak
komited dan tidak ikhlas melaksa-
nakan tugas.

Adakah kerajaan memandang se-
rius mengenai pemakaian peraturan
ini? Atau ia hanya sekadar peraturan
yang terpakai kepada kakitangan ba-

wahan? Saya di sini ingin menge-
syorkan supaya pihak yang berke-
nanaan dapat mengumpul laporan kad
perakam waktu dari setiap jabatan
supaya dianalisis.

Mana-mana kakitangan yang me-
mang jelas tidak mematuhi peratu-
ran ini, termasuk ketua jabatan yang
cuai merakamkan waktu, diambil
tindakan disiplin, seperti disiarkan
nama mereka di akhbar.

Ketua jabatan bertanggungjawab
memastikan kakitangannya berdisi-
plin. Tetapi, sebelum mendisiplin
kakitangan bawahan, ketua jabatan
perlu mendisiplinkan diri mereka
terlebih dulu.

Ketua jabatan hendaklah menun-
jukkan contoh dan teladan yang baik
kepada kakitangan yang lain. Jika
ketua jabatan sama-sama merakam-
kan waktu, saya yakin kakitangan
yang lain akan turut merakamkan
waktu tanpa ada sebarang rasa ku-
rang puas hati kepada ketua mereka,
malah mereka akan lebih menghorm-
mati ketua mereka.

Bagi saya, pekeliling yang dike-
luarkan adalah terpakai kepada se-
mula kakitangan awam, tidak kira
mereka berjawatan rendah mahupun
tinggi.

Saya percaya kakitangan yang ber-
jawatan lebih besar seperti Ketua Se-
tiausaha Negara, Ketua Setiausaha
kementerian dan Ketua Pengarah pe-
ringkat Persekutuan yang kita sen-
diri sedia maklum memang sangat
sibuk dengan mesyuarat, ke luar ne-
gara dan sebagainya, akan merakam-
kan waktu masuk dan keluar pejabat
kerana mereka tahu ia adalah satu
amanah dan tanggungjawab yang
perlu dilaksanakan.

Ini juga sebahagian daripada mem-
perbaiki dan meningkatkan mutu
kerja dan sistem penyampaian per-
khidmatan yang selama ini sering
dikritik hebat oleh pelbagai pihak
mengenai kemerosotannya.

Justeru, bagi memulihkan persep-
si masyarakat terhadap jabatan ke-
rajaan, disiplin yang tinggi di ka-
langan kakitangan awam itu sendiri
perlu dibentuk dan dimulakan da-
ripada sekarang. Jangan hanya can-
tik dari pandangan luar, tetapi di
dalamnya penuh dengan selut dan
kemelut yang remeh-temeh.

Bagi semua kakitangan awam ter-
masuklah ketua jabatan, ayuh kita
mengorak dan melangkah lebih jauh
ke hadapan dengan penuh berdisip-
lin dan berdedikasi. Cerminlah diri
kita sebelum berkata-kata kerana ka-
dang-kadang kita cakap tak serupa
bikin. Untuk KSN, teruskanlah usa-
ha murni membanteras segala pe-
nyelewengan dan salah laku kaki-
tangan awam.

MEMERHATI DARI JAUH,
Kuala Lumpur.